

ii. Menggunakan pagar sementara (*Hoarding Board*)

- Pagar sementara yang dijadikan kawasan persempadanan dibuat menggunakan zink. Penggunaan pagar sementara dapat menunjukkan bahawa kawasan pelandskap tersebut telah dibuat persempadanan bagi memisahkan dengan kawasan tapak yang lain.
- Pembinaan sesuatu bangunan tidak boleh dimulakan sehingga pagar adangan sementara (*Hoarding Board*) didirikan untuk mengasingkan kawasan tapak bina. Pagar adangan sementara hendaklah dibina sepenuhnya di sekeliling atau menutupi kawasan tapak bina.
- Warna pagar adangan sementara yang dibenarkan adalah biru atau kelabu (bagi pagar yang tidak menghadap jalan utama). Adangan sementara mestilah tidak menghalang pili bomba atau alat perkhidmatan kemudahan lain yang sedia ada.
- Kerja-kerja seperti membina *sheetpile*, longkang tepi dan sebagainya yang dibina tanpa pagar adangan sementara hendaklah dililitkan dengan pita amaran dengan jarak 1.0 meter dari kawasan kerja. Kawasan tapak pagar adangan sementara hendaklah sentiasa diawasi oleh seorang pengawal untuk menghalang orang awam daripada mencerooboh ke dalam tapak pembinaan. Pagar adangan sementara hendaklah dibuka semula sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan siap dijalankan.




Foto 5.5: Penghadang sementara di kawasan tapak bina.